

Telegram: "CHIEFMIN KOTA KINABALU"

100-4/4/Klt.2/(101)

BIL. CMD.

Tolong sebutkan rujukan fail kami
dalam jawapan surat ini
(Please quote our file reference
in your reply to this letter)



JABATAN KETUA MENTERI
(CHIEF MINISTER'S DEPARTMENT)

Kota Kinabalu
Sabah, Malaysia

14 MAY 2009

Semua Setiausaha Tetap Kementerian
Semua Ketua Jabatan Negeri
Semua Ketua Pengurusan Badan Berkanun Negeri
Semua Ketua Pengurusan Kuasa Tempatan Negeri
Semua Pegawai Daerah
Semua Penolong Pegawai Daerah Kecil

Y.Bhg. Datuk/Datin/Tuan/Puan,

PEMATUHAN WAKTU BEKERJA OLEH KAKITANGAN AWAM NEGERI

Dengan hormatnya, perkara di atas dirujuk.

2. Sukacita saya menarik perhatian Y.Bhg. Datuk/Datin/Tuan/Puan mengenai dengan Surat Pekeliling Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia bil. JPA(S)TT.233/2 Jld.2(1) bertarikh 08 April 2009 tentang aduan orang ramai yang tidak berpuas hati dengan sikap negatif segelintir kakitangan awam. Aduan itu termasuklah kegagalan kakitangan awam negeri yang tidak mematuhi waktu bekerja dan berada di tempat-tempat makan seperti kantin atau kafeteria mahupun di tempat-tempat awam lain seperti pusat membeli-belah semasa waktu bekerja. Sikap negatif tersebut boleh mencemar imej perkhidmatan awam dan menyalahi tata kelakuan sebagai penjawat awam.

3. Selaras dengan Perkara 328 Bahagian VIII Peraturan-Peraturan Pegawai Awam Negeri Sabah 2008, Ketua Jabatan hendaklah memastikan serta memantau mana-mana pegawai / kakitangan di bawah kawalan masing-masing yang tidak mematuhi waktu bekerja berkenaan agar mengambil tindakan yang sewajarnya.

4. Sehubungan dengan itu, mohon kerjasama serta perhatian serius Y.Bhg. Datuk/Datin/Tuan/Puan supaya meningkatkan penyeliaan terhadap kakitangan masing-masing.

Sekian, terima kasih .

'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA DENGAN BERSIH, CEKAP DAN AMANAH'

(**SUKARTI BIN WAKIMAN**)
Setiausaha Kerajaan Negeri

DADAH MEMBAWA SENGSARA DAN MAUT